



## SIARAN AKHBAR

---

**MAJLIS PENANDATANGANAN KONTRAK PERJANJIAN DI ANTARA  
JABATAN PERHUTANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELANCONGAN DAN BUNDAYANA CONTRACTOR SDN BHD  
BAGI PROJEK PEMBANGUNAN SEBUAH RESTORAN MENGGUNAKAN  
KAEDAH *PUBLIC PRIVATE PARTNERSHIP* (PPP)  
DI TAMAN REKREASI HUTAN BUKIT PATOI, DAERAH TEMBURONG**

***Bandar Seri Begawan***

***Hari Rabu, 26 Rabiulakhir 1443H bersamaan 1 Disember 2021M***

Majlis Penandatanganan Kontrak Perjanjian di antara Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Bundayana Contractor Sdn Bhd bagi Projek Pembangunan Sebuah Restoran Menggunakan Kaedah *Public Private Partnership* (PPP) di Taman Rekreasi Hutan Bukit Patoi, Daerah Temburong diadakan pada hari ini di bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat untuk menyaksikan penandatanganan kontrak perjanjian tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Menandatangani perjanjian bagi pihak Jabatan Perhutanan ialah Pengarah Perhutanan, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim sementara Bundayana Contractor Sdn Bhd diwakili oleh Pengarah syarikat berkenaan, Dayang Noratikah binti Zaini.

Projek ini adalah sebagai salah satu inisiatif pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan dan Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi mempelbagaikan produk pelancongan di Daerah Temburong terutama berikutan dengan siapnya pembinaan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien yang menghubungkan Daerah Brunei dan Muara dengan Daerah Temburong dan seterusnya menjadikan Taman Rekreasi Hutan Bukit Patoi sebagai salah satu destinasi eko-pelancongan yang mempunyai lokasi yang sangat strategik dan mudah untuk dikunjungi.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan sebelum ini telah melantik sebuah syarikat arkitek bagi penyediaan reka bentuk bangunan restoran berkenaan. Dengan anggaran harga projek pembinaan restoran bernilai \$0.45 juta di atas kawasan tanah seluas 0.48 ekar di Taman Rekreasi Hutan Bukit Patoi Daerah Temburong ini, syarikat arkitek telah berkolaborasi dengan Bundayana Contractor Sdn Bhd sebagai pemaju untuk membangun sebuah restoran tersebut.

Projek ini telah mendapat sokongan padu dari beberapa pihak berkepentingan termasuk Pejabat Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dan pihak Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT).

Adalah diharapkan melalui projek ini, ianya akan dapat menambahkan lagi pengunjung ke Daerah Temburong secara amnya dan ke Taman Rekreasi Hutan Bukit Patoi secara khasnya dan mendukung perkembangan sektor pelancongan di Daerah Temburong khasnya dan di Negara Brunei Darussalam amnya. Ini juga akan dapat meningkatkan ekonomi penduduk setempat secara tidak langsung melalui perbelanjaan yang dibuat oleh para pengunjung, sama ada dari kalangan orang-orang tempatan atau pelancong-pelancong. Selain dari itu, pembinaan restoran ini akan dapat membukakan peluang pekerjaan baru bagi anak-anak tempatan.

Di samping itu, dengan penarikan orang ramai ke Taman Rekreasi Hutan Bukit Patoi melalui pembinaan restoran ini nanti secara tidak langsung akan dapat mengajak orang ramai ke arah melakukan aktiviti-aktiviti sihat seperti beriadah dan *hiking* di samping akan dapat memupuk kesedaran mengenai kewujudan dan kepentingan hutan di negara ini.

Hadir sama pada majlis penandatanganan tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Mulia Dayang Hajah Dahliana binti Haji Aliakbar; Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Bundayana Contractor Sdn Bhd dan pihak-pihak yang terlibat.

Disediakan oleh:

**Jabatan Perhutanan**  
**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**  
**Negara Brunei Darussalam**

Tarikh: 26 Rabiulakhir 1443 bersamaan 1 Disember 2021